

**Sila semak semasa dilafazkan**

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI  
DI MAJLIS PENYERAHAN DERMASISWA DAN BUNGKUSAN HARI  
RAYA BAKTI DAN MAJLIS RAMAH MESRA  
DI DEWAN SEKOLAH LATIHAN KESIHATAN, JITRA  
PADA HARI JUMAAT, 15 JANUARI 1999  
JAM 10.00 PAGI**

---

Syukur Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurniaNya sahaja, kita dapat berkumpul di Dewan Sekolah Latihan Kesihatan, Jitra ini untuk menunaikan amanah BAKTI kepada masyarakat dan kanak-kanak di kawasan Kubang Pasu pagi ini serta beramah mesra dan mengeratkan lagi silaturrahim.

2. Kita bersyukur juga, dengan berkat bulan Ramadhan yang mulia ini, kita dapat menunaikan fardhu berpuasa dalam keadaan aman dan selesa. Sungguhpun negara tidak semewah seperti 2 tahun dahulu tetapi kita harus bersyukur atas apa juga nikmat yang Allah Subhanahu wa Ta'ala telah beri kepada kita umat Islam di dalam negara ini khususnya, kepada rakyat jelata amnya. Umat Islam masih lagi ada rezeki menunaikan umrah sepanjang tahun, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan ini dan beribu-ribu lagi akan melakukan ibadat Haji. Di negara lain, sudah berkurangan jumlah mereka ke Mekah kerana kegawatan ekonomi yang amat teruk. Oleh itu, bersyukurlah kita atas nikmat yang kita terima.

3. Saya berdiri di sini dengan 2 tugas: Pertama sebagai Yang Dipertua BAKTI untuk menyampaikan dermasiswa kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di

Kawasan Parlimen Kubang Pasu ini, dan kedua sebagai bekas Pegawai Kesihatan Daerah Kubang Pasu dan Pengetua SLKLB.

4. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Pegawai Daerah kerana mengadakan acara majlis di dalam dewan ini yang lama saya tinggalkan dan yang membawa kembali banyak kenangan suka duka kepada saya.

5. BAKTI sebagai badan amal dan kebajikan, sekarang berusia 21 tahun, memberi banyak perhatian kepada golongan-golongan yang benar-benar memerlukan bantuan. Tujuan BAKTI ini tidak berubah hingga kini, tetapi sumbangan bantuan telah bertambah mengikut rezeki yang didapati oleh BAKTI.

6. Punca rezeki BAKTI adalah hasil kutipan dan sumbangan dari orang ramai, khasnya badan-badan korporat dan syarikat-syarikat yang dengan ikhlas, ingin berbakti kepada orang ramai dan beramal ibadah. Tujuan dan sasaran BAKTI adalah tulus dan mulia. Dengan sebab itu, penderma yakin bahawa BAKTI akan sampaikan amanah mereka kepada sasaran mereka, iaitu kepada orang-orang miskin, kurang upaya, anak-anak yatim, ibu tunggal dan sebagainya.

7. Sebagai pemegang amanah, BAKTI harus menaburkan bantuan dengan teliti dan tepat, supaya bantuan itu benar-benar sampai kepada sasaran. Kerana inilah, BAKTI mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Pegawai Daerah, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah, dan Pengarah Pendidikan yang membantu membuat siasatan dan menasihati serta bekerjasama sepanjang 21 tahun yang lalu dengan BAKTI.

8. Adalah menjadi dasar BAKTI memberi setiap ahlinya peluang untuk berbakti di dalam kawasan Parlimen masing-masing setiap tahun.

9. Mengikut rezeki dan kedudukan kewangan BAKTI, setiap ahli BAKTI diminta memilih 20 pelajar dalam kawasan masing-masing daripada semua kaum aki dan perempuan, tetapi dengan syarat mereka daripada keluarga miskin, ramai dalam keluarga, cerdik dan berminat belajar. Keluarga ibu tunggal dipertimbangkan juga dan keluarga istimewa.

10. Oleh kerana ekonomi negara belum pulih seperti biasa, dan BAKTI telah membatalkan rancangan mengutip derma mengisi tabung BAKTI, BAKTI harus sama berjimat cermat dan membuat siasatan lebih rapi sebelum meluluskan apa juga permohonan. Diharap keadaan kegawatan ekonomi akan pulih semula secepat mungkin supaya BAKTI boleh membantu lebih ramai lagi kelak.

11. Saya menceritakan perkara ini bukan untuk BAKTI mendapat terima kasih daripada orang ramai tetapi supaya rakyat negeri Kedah, Kubang Pasu khususnya, malahan seluruh negara tahu bahawa BAKTI telah memberi bantuan seumpama ini kepada rakyat sejak mula ia ditubuhkan. Sebenarnya tujuan utama BAKTI ditubuhkan ialah untuk membuat bakti kepada masyarakat yang kurang bernasib baik.

12. Untuk makluman para hadirin, negeri Kedah telah menerima daripada BAKTI sejumlah RM1,242,184.87 dan tahun 1984 hingga tahun 1998 (14 tahun) untuk tabung atau:

a)	Badan Kebajikan sejumlah	RM653,870.87
b)	Individu-individu sejumlah	RM457,305.00
c)	Sekolah-sekolah sejumlah	RM131,009.00
	Jumlah besar	RM1,242,184.87

d) Dermasiswa \_\_\_\_\_

13. Adalah besar harapan BAKTI semoga bantuan-bantuan yang dihulurkan dengan

ikhlas pada pagi yang mulia dalam bulan yang amat mulia ini akan diterima dan diguna dengan baik. Pelajar-pelajar yang enerim dalam tahun ini tidak haras ada apa-apa alasan yang mereka tidak boleh teruskan pelajaran masing-masing atas alasan kegawatan ekonomi, keluarga atau negara.

14. Selagi pelajar rajin dan berminat untuk belajar, Insyaa-Allah rezeki itu akan tiba. Rakyat negara kita amat prihatin. Badan-badan jariah, Baitulmal dan individu-individu perlu membantu. Bak kata pepatah, lebih banyak kita memberi, lebih banyak rezeki bergolek datang nanti.

15. Izinkan saya merenung kembali pengalaman di Pejabat dan Sekolah yang saya bertugas selama 10 tahun di sini.

16. Sebagai Sekolah Latihan Kesihatan yang ulung di negara, ia diwujudkan oleh WHO untuk melatih para anggota kesihatan peringkat bawahan (P.K.U. dan P.J.K) untuk bertugas di luar bandar. Selaras dengan Buku Merah dan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional, Pembangunan Luar Bandar meliputi juga pembangunan kesihatan. Empat masalah utama perlu dihapuskan sekira Kerajaan ingin bangun dan pertingkatkan kehidupan rakyat luar bandar. Kemiskinan, keadaan kurang sihat, buta huruf dan sikap tidak apa berdepan dengan pegawai-pegawai yang bertugas. Tetapi, syukur Alhamdulillah, dengan berkat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang merestui rancangan-rancangan pembangunan luar bandar (jaringan jalanraya, klinik-klinik bidan, pusat-pusat kesihatan, dewan-dewan orang ramai dan sebagainya). Empat masalah ini dapat dihapuskan pada setiap 5 tahun hingga tercapainya kejayaan yang boleh membanggakan.

Dari segi kesihatan:

- kadar kematian menurun;
- kemiskinan berkurangan;

- ibu-ibu telah faham mengenai jagaan mereka semasa hamil
- bidan-bidan kampung lah dilatih semula
- kebersihan kampung meningkat
- jamban jitra dan jamban curah
- air acak tidak ada lagi
- air bersih untuk diminum

Kejayaan ini hasil:

- kesedaran, kefahaman dan amalan rakyat
- latihan kakitangan, ajaran kesihatan dan pameran
- peningkatan taraf Bidan-bidan Kerajaan kepada Jururawat Desa

Kini negara Malaysia terkenal:

- dengan perkhidmatan kesihatan
- safe motherhood initiative
- jagaan kanak-kanak dan sebagainya

17. Saya bertuah mewakili negara Malaysia di Washington tahun lepas untuk menceritakan kejayaan perkhidmatan kesihatan kita. Saya rasa kehormatan yang diberikan kepada saya itu adalah hasil dari sini, Pejabat Kesihatan Kubang Pasu dan SLKLB, Jitra serta kehormatan yang diberi kepada saya oleh Kerajaan dan rakyat Negeri Kedah. Tanpa pengalaman dan segala panduan, kerjasama daripada semua pihak di Kubang Pasu ini, saya tidak akan berjaya.

Buku biografi

Wanita, Adat dan Kesehatan.

\*\*\*\*